

NASKAH PERCUMA  
(BIL. 4 /2016)

# BULETIN MBBJ

MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU



MESRA BERKHIDMAT JUJUR BERBAKTI

[www.mbjb.gov.my](http://www.mbjb.gov.my)



**PELANCARAN  
PERSIARAN  
MUAFAKAT  
BANGSA JOHOR**  
Lestari Bangunan  
Warisan Bersejarah

**MBJB KUATKUASA  
LARANGAN  
PENGUNAAN  
POLISTIRENA**  
Bermula Januari 2018

**SKUAD LENSA**  
Inisiatif Baharu Selesai  
Aduan Awam



MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU  
(MBJB)



MBJB (@mbjbcitycouncil)



MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU  
(MBJB)

# Salam Maulidur Rasul 2016 / 1438H "Ukhuwah Islamiah Asas Penyatuan Ummah"



PONTIAN, 13 Disember 2016 – MJB telah memperoleh Tempat Pertama dalam Kategori Sepanduk dan Tempat Ketiga dalam Kategori Perarakan dan Pakaian Terbaik Bersempena Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Daerah Johor Bahru. Tahniah MJB!

## Sekitar Majlis Maulidur Rasul SAW



Maulidur Rasul Peringkat Daerah Johor Bahru  
Masjid Pasir Pelangi  
12 Disember 2016



Maulidur Rasul Peringkat MJB  
Dewan Jubli Intan  
15 Disember 2016



Maulidur Rasul Zon Bakar Batu  
Surau Darussalam, Majidee Baru  
18 Disember 2016



Maulidur Rasul Zon Kempas  
Surau Al Mustakim, Kempas Denai  
17 Disember 2016



Maulidur Rasul Zon Desa Cemerlang  
Surau Al Hidayah, RP Sri Orked  
17 Disember 2016

# LAWATAN DATUK BANDAR JOHOR BAHRU KE KARNIVAL

## Jom HEBOH

ANJURAN TV3



**JOHOR BAHRU, 1 OKTOBER 2016** – Penganjur Karnival Jom Heboh telah memilih Johor Bahru sebagai lokasi terakhir sekaligus sebagai penutup tirai siri jelajah bagi tahun 2016.

Program selama 2 hari bermula 30 September sehingga 1 Oktober berupaya menarik kunjungan ribuan warga bandar raya. Antara tarikan utama program ini adalah gerai-gerai dari jenama terkenal selain kehadiran selebriti tempatan yang turut memeriahkan tapak pameran.

Datuk Bandar Johor Bahru, YBhg. Tuan Haji A. Rahim bin Haji Nin turut meluangkan masa melawat tapak pameran dan beliau telah ditemu bual secara langsung oleh TV3. Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) juga turut membuka booth pameran yang memuatkan maklumat dari Jabatan Kesihatan, Korporat, Kewangan, Perpustakaan, Penilaian dan Penguatkuasa Bandaraya.



## PENILAIAN SISTEM PENARAFAN BINTANG PIHAK BERKUASA TEMPATAN (SPB-PBT)



**JOHOR BAHRU, 12 OKTOBER 2016** – Pasukan Inspektorat, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah membuat penilaian Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) ke atas Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) bermula jam 8.00 pagi hingga 6.00 petang.

Panel terlibat ialah Ketua Penolong Setiausaha Kanan, Bahagian Dasar & Inspektorat, KPKT, Encik Sanjay a/l S. Dharmalingam, Ketua Penolong Setiausaha, Bahagian Dasar dan Inspektorat, KPKT, Encik Muhammad Ziyad Izdihar bin Lim, Penolong Setiausaha Kanan, Bahagian Dasar dan Inspektorat, KPKT, Encik Nasrul Hissam bin Ab Rahman dan Penolong Setiausaha, Bahagian Dasar dan Inspektorat, KPKT, Encik Mohd Suzairi bin Mohd Shafi'i.



# DIARI LA



01

## MAJLIS BANDARAYA ALOR SETAR

**Tarikh:** 6 Oktober 2016  
**Objektif:** Berkongsi pengalaman berkenaan dengan tugas lapangan pasukan UTC dan pembangunan landskap MBBJ.  
**Jabatan Terlibat:** Bahagian Kejuruteraan (UTC) dan Jabatan Landskap.



## MAJLIS BANDARAYA IPOH

**Tarikh:** 8 November 2016  
**Objektif:** Mempelajari pengendalian kebersihan pejabat dan penggunaan peralatan serta bahan kimia di samping pengurusan sumber manusia, pengurusan mesyuarat dan majlis rasmi di MBBJ.  
**Jabatan Terlibat:** Jabatan Khidmat Pengurusan

02



03

## UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA, SKUDAI

**Tarikh:** 15 November 2016  
**Objektif:** Memperoleh maklumat berkenaan peranan MBBJ dalam perundangan dan pelaksanaan pembangunan perumahan.  
**Jabatan Terlibat:** Jabatan Bangunan dan Bahagian Undang-Undang.



## UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA, SKUDAI

**Tarikh:** 25 November 2016  
**Objektif:** Melihat inisiatif pelestarian dan pemuliharaan persekitaran di Sungai Sebulung.  
**Jabatan Terlibat:** Jabatan Pembangunan Masyarakat dan Jawatankuasa Penduduk Majidee.

04



05

**DELEGASI BANDAR KYUSU, JEPUN DAN AHLI EXCO DEWAN PERNIAGAAN & PERINDUSTRIAN ISKANDAR MALAYSIA**  
**Tarikh:** 29 November 2016  
**Objektif:** Menerokai peluang-peluang perniagaan dan pelaburan di sekitar negeri Johor.  
**Jabatan Terlibat:** Bahagian Korporat & Perhubungan Awam dan Jabatan Perancangan Pembangunan.



**INTAN KAMPUS WILAYAH SELATAN**  
**Tarikh:** 6 Disember 2016  
**Objektif:** Mempelajari kemudahan prasarana ICT yang disediakan oleh MJB kepada komuniti setempat serta yang dilaksanakan di MJB dan meluaskan jalinan dan kerjasama antara IKWAS dengan MJB.  
**Jabatan Terlibat:** Bahagian Teknologi Maklumat

06



07

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**Tarikh:** 19 Disember 2016  
**Objektif:** Berkongsi pengalaman dan bertukar pandangan mengenai pengurusan tugasan di Jabatan Kejuruteraan, MJB.  
**Jabatan Terlibat:** Jabatan Kejuruteraan



JOHOR BAHRU, 31 DISEMBER 2016 – Majlis Bandaraya Johor Bahru telah mengadakan Karnival Ulang Tahun ke-23 Bandaraya Johor Bahru dan Karnival Budaya dan Warisan, anjuran bersama dengan pihak Iskandar Regional Development Authority (IRDA) di Legaran Segget Johor Bahru bermula seawal jam 6.30 pagi sehingga jam 12.00 tengah malam.

Pelbagai pengisian acara dijalankan bagi memeriahkan lagi sambutan karnival ini, antaranya program *Car Free Day*, yang menggabungkan variasi aktiviti kecerdasan dan riadah santai seperti zumba, berbasikal, *street soccer* serta aktiviti permainan tradisional di samping jualan daripada pengusaha-pengusaha *food truck*.



Pada sebelah malam, diadakan Majlis Pelancaran Persiaran Muafakat Bangsa Johor dan Perasmian *Coffee Table Book* MBJB berjudul 'Johor Bahru: Kebanggaan Jauhar Selatan, *The Southern Jewel Pride*' yang disempurnakan perasmian oleh Exco Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan Negeri Johor, Datuk Tee Siew Kiong.

Turut sama memeriahkan majlis ialah dua pelawak terkenal, Azlee Senario dan Bocil Saywho. Antara tarikan utama program ini adalah perarakan kereta dan motosikal antik yang melalui rumah ibadat bersejarah di Persiaran Muafakat Bangsa Johor, *Urban Nite Ride*, persembahan kebudayaan pelbagai kaum, persembahan nyanyian, pertunjukan kapal terbang kawalan jauh dan banyak lagi.



**KARNIVAL ULANG TAHUN KE-23 MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU**

**31 Disember 2016**  
bermula jam 6.30 pagi - 12.00 tengah malam  
bertempat di Segget, Johor Bahru (Pusat Bandar)

**PELBAGAI ACARA MENARIK MENANTI ANDA!**

- Car Free Day
- Urban Nite Ride
- Pelancaran Persiaran Muafakat Bangsa Johor
- Perasmian 'Coffee Table Book MBJB'
- Perarakan Kereta & Motosikal Klasik
- Pertunjukan Kapal Terbang Kawalan Jauh
- Persembahan Kebudayaan
- Pertunjukan Bunga Api (Malam Tahun Baru 2017)
- Foodtruck

**ORANG RAMAI DIJEMPUT HADIR!**  
sebarang pertanyaan, sila hubungi  
07 - 219 8062 / 8052 (Urusetia)

Azlee Senario  
Bocil Saywho

# MBJB LANCAR PERSIARAN MUAFAKAT BANGSA JOHOR



AKTIVITI BERBASIKAL DI PUSAT BANDAR



CAR FREE DAY



PERARAKAN KENDERAAN ANTIK



BENGKEL KRAFTANGAN



KEHADIRAN SELEBRITI AZLEE SENARIO TERNATA MENGHIBURKAN PENGUNJUNG



PERSEMBAHAN DRUM BANGSA JOHOR (BOYS OF STRAITS)



PERSEMBAHAN KEBUDAYAAN



MBJB  
JANUARI  
2016  
ALYAN  
6  
U



**JOHOR BAHRU, 29 DISEMBER 2016** – Majlis Bandaraya Johor bahu mengambil inisiatif mengurangkan jumlah aduan orang awam dengan menubuhkan sebuah pasukan khas yang dikenali sebagai 'Skuad Lensa' yang membuat rondaan dan memantau permasalahan yang melibatkan tugas dan tanggungjawab MBBJ. Pendekatan ini bertepatan dengan saranan Kementerian Perumahan dan Kesejahteraan Bandar (KPKT) yang menyeru supaya pendekatan MASJA (Masalah Sebelum Jadi Aduan) diamalkan oleh PBT di seluruh Negara. Skuad ini mula beroperasi pada 1 Januari 2017.

Skuad ini ditugaskan melakukan rondaan di kawasan yang telah ditentukan dan perlu melaporkan penemuan berkaitan kerosakan infra seperti jalan berlubang, kerosakan parit dan perabot jalan, kebersihan dan lain-lain. Selain itu, skuad ini juga dibekalkan dengan kelengkapan ICT untuk membuat laporan secara atas talian beserta dengan koordinat kawasan aduan untuk memudahkan carian oleh pihak jabatan.



Pelancaran  
**SKUAD**

**LENSA**

*Inisiatif baru aduan awam*

LIDAH AKAN TER  
BERKATA JUJUF  
SELAGI HATINYA  
IKHLAS DAN LUH  
Saidina Umar Al Khatta

**S**ifat ikhlas sangat istimewa. Walaupun sulit untuk diberikan pengertian yang tepat dan tiada tanda-tanda jelas yang menggambarkan kehadirannya, namun ia memberikan pengaruh yang besar dan bermakna terutamanya dalam amalan dan perbuatan setiap yang bergelar Mukmin. Jika keikhlasan yang mendahului setiap gerak-geri insan, akan lahir keluhuran dan membuahkan keberkatan Allah SWT dalam setiap amalannya. Ia amat berkait rapat dengan persoalan hati seperti yang dimaksudkan oleh hadith Rasulullah SAW : “Sesungguhnya setiap amalan itu dengan niat, dan sesungguhnya bagi seseorang itu apa yang diniatkannya.”(Riwayat Bukhari & Muslim)

Sifat ikhlas di dalam diri insan boleh diumpamakan seperti akar tunjang bagi sebatang pokok. Walaupun tersembunyi di dalam perut bumi dan tidak dapat dilihat oleh pandangan mata, namun ia menjadi penguat dan menyokong pokok itu tumbuh tegak dan teguh walaupun dirempuh oleh angin kencang dan ribut yang melanda. Keteguhan peribadi seperti ini akan melahirkan seorang Mukmin yang mampu bertahan walaupun diuji dengan pelbagai dugaan.

#### KEISTIMEWAAN SIFAT IKHLAS

Kehadiran sifat ikhlas dalam diri individu memberikan pengaruh yang sungguh besar terutamanya ke arah pembentukan peribadi yang syumul dan berkualiti sejajar dengan syariat.  
Antaranya:

#### Menjauhkan Sifat Berpura-pura

Sememangnya menjadi lumrah manusia jika melakukan kebaikan mereka inginkan pujian, dipandang hebat oleh manusia, mendapat ganjaran keduniaan seperti pangkat, darjat malahan harta benda. Diri akan merasa bangga dan puas jika mendapat ganjaran keduniaan yang diimpikan. Alangkah ruginya golongan yang hanya mendapat kelebihan dunia, di sisi manusia. Namun di sisi Allah SWT semuanya kosong dan tidak bermakna. Setiap amalan yang dilaksanakan, jika tiada keikhlasan hanyalah sesuatu yang hipokrit dan berpura-pura. Rasulullah SAW pernah bersabda yang bermaksud, “Pada hari kiamat nanti, dunia akan dibawa kemudian diasing-asingkan perkara yang dikerjakan kerana Allah dan yang dilakukan bukan kerana Allah, lalu dicampakkan ke dalam api neraka”. (Riwayat Baihaqi).

“*Jadikan  
ikhlas itu suatu  
rahsia  
antara seorang  
makhluk  
dan sang  
pencipta*”

# Ikhlas Kerana-Nya

## Membunuh Sifat Riak

Sifat riak boleh memusnahkan pahala amalan yang dilakukan. Sekiranya melaksanakan sesuatu perkara di hadapan orang lain, perkara tersebut dilakukan dengan sebaik mungkin supaya nampak cantik pada pandangan manusia. Namun, bila bersendirian dan tidak diketahui oleh orang lain, perbuatannya hanya sekadar "melepaskan batuk di tangga", tidak bersungguh-sungguh dan tidak sempurna. Sifat suka menunjuk-nunjuk ini dapat dihapuskan sekiranya disertai dengan keikhlasan niat kerana Allah SWT.

## Membentuk Jiwa yang Kental

Seorang yang ikhlas, terselit dalam setiap amalannya niat melakukan kerja kerana Allah SWT. Dalam setiap detik kehidupan pula tidak semua perkara yang dilaksanakan meraih kesempurnaan. Ada cacat cela dan kekurangan yang boleh menimbulkan rasa kecewa dan tidak puas hati dalam kalangan pelakunya. Justeru, dengan keikhlasan akan terbentuk jiwa yang kental, tidak mudah mengalah dengan ujian dan kepayahan. Sekiranya kecewa pada sesuatu masa, jiwa yang ikhlas akan segera terubat kerana yakin setiap yang berlaku ada hikmah di sebaliknya. Secara tidak langsung, individu yang ikhlas akan kembali bangkit untuk melaksanakan yang terbaik kerana Allah SWT tanpa terus menerus terkurung dengan kekecewaan yang telah berlaku.

## Memupuk Sifat Reda dan Tenang

Dunia adalah pentas ujian. Allah berfirman dalam surah al-Ankabut ayat 2 yang bermaksud : "Patutkah manusia menyangka bahawa mereka akan dibiarkan dengan hanya berkata " Kami beriman" sedang mereka tidak diuji dengan sesuatu cubaan?". Bagi insan yang ikhlas menjalani kehidupannya, sudah pasti mereka akan sentiasa tenang walaupun terpaksa melalui kepayahan dan dugaan yang hebat. Mereka akan tetap meneruskan kehidupan dengan hati yang lapang dan reda dengan ketentuan-Nya di samping sentiasa berusaha melakukan yang lebih baik dari semasa ke semasa.



*Seperti apakah ikhlas itu?*

*Ikhlas seperti surah Al-Ikhlas yang tiada kata ikhlas di dalamnya. Selama ikhlas masih terucap, itu berarti belum ikhlas. Kerana hanya Dia yang ikhlas, yang sentiasa berbuat tanpa pernah menyebut keikhlasannya.*



Lawatan Menteri Besar Johor ke Tapak Projek Pengindahan Sg. Segget di Pusat Bandar Johor Bahru  
Tarikh: 16 Oktober 2016



Penyerahan Bantuan YBBB kepada mangsa ribut di KRT Taman Gembira  
Tarikh: 8 Disember 2016



# MBJB SANA-SINI



Pertandingan Boling Mesra Media di Daiman Bowl  
Tarikh: 15 November 2016






Kejohanan Golf Amal YJB di Le Grandeur Palm Resort, Senai  
Tarikh: 22 Oktober 2016

Perasmian Program Publisiti & Penyertaan Awam  
Draf Rancangan Tempatan di PERSADA, Johor Bahru  
Tarikh: 1 November 2016



Town Hall Publisiti & Penyertaan Awam di JOTIC, Johor Bahru  
Tarikh: 18 Disember 2016



Kempen Derma Darah  
Tarikh: 27 Disember 2016



**JB BEBAS  
POLISTIRENA**

**MULAI JANUARI 2018**

**MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU**  
**[www.mjb.gov.my](http://www.mjb.gov.my)**

# JADUAL WAKTU OPERASI MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

## WAKTU OPERASI

PEJABAT UTAMA MBBJ & JOTIC

HARI	JAM
AHAD - RABU	8.00 PAGI - 5.00 PETANG
KHAMIS	8.00 PAGI - 3.30 PETANG
WAKTU REHAT	1.00 - 2.00 PETANG
JUMAAT, SABTU & KELEPASAN AM	TUTUP
NO. TELEFON	07-219 8000

## WAKTU OPERASI KAUNTER

KAUNTER SETEMPAT MBBJ

HARI	JAM
AHAD - RABU	8.00 PAGI - 5.00 PETANG
KHAMIS	8.00 PAGI - 3.30 PETANG
JUMAAT, SABTU & KELEPASAN AM	TUTUP

## PEJABAT CAWANGAN PERMAS JAYA

(Bagi Urusan Semakan & Bayaran Cukai Harta dan Kompaun MBBJ)

HARI	JAM
AHAD - RABU	9.00 PAGI - 4.00 PETANG
KHAMIS	9.00 PAGI - 1.00 PETANG
JUMAAT, SABTU & KELEPASAN AM	TUTUP
NO. TELEFON	07-386 1535

## PEJABAT CAWANGAN JOHOR JAYA

(Bagi Urusan Semakan & Bayaran Cukai Harta dan Kompaun MBBJ, Pembaharuan Lesen Iklan, Perniagaan & Penjaja, Permohonan Pindah Milik (Borang I), Bayaran Sewa Gerai, Semakan & Permohonan Sewaan Dewan, Jualan Kupon Letak Kereta / 'Parking Coupon' dan Aduan Awam)

HARI	JAM
AHAD - RABU	9.00 PAGI - 4.00 PETANG
KHAMIS	9.00 PAGI - 1.00 PETANG
JUMAAT, SABTU & KELEPASAN AM	TUTUP
NO. TELEFON	07-357 3314

## PUSAT TRANSFORMASI BANDAR (UTC)

(Bagi Urusan Semakan & Bayaran Cukai Harta dan Kompaun MBBJ)

HARI	JAM
SETIAP HARI	8.30 PAGI - 9.30 MALAM
WAKTU REHAT	7.00 - 8.00 MALAM (SABTU - KHAMIS) & 12.15 TENGAH HARI - 2.45 PETANG (JUMAAT)
KELEPASAN AM	TUTUP
NO. TELEFON	07-351 1503

## KAUNTER BERGERAK (e-NOBAS)

(Bagi Urusan Semakan & Bayaran Cukai Harta dan Kompaun MBBJ)

SILA LAYARI LAMAN WEB MBBJ ( [www.mbjb.gov.my](http://www.mbjb.gov.my) )  
UNTUK JADUAL PERKHIDMATAN TERKINI

NO. TELEFON	07-219 8077 (Waktu Pejabat)  019-720 3290 ( Waktu Urusan Kaunter Bergerak )
-------------	---

## MISI PERKHIDMATAN PELANGGAN MBBJ

Memberikan Perkhidmatan Pelanggan Yang Efisien Dan Mesra Kepada Pelanggan



### MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

Peti Surat 232, Jalan Dato' Onn, 80720 Johor Bahru, Johor.

E-mel : [info@mbjb.gov.my](mailto:info@mbjb.gov.my)

No. Tel : 07-219 8000 Faksimile : 07-223 0619

Talian Bebas Tol : 1300-88-0146

SMS Aduan : 019-778 8212

Laman Web : [www.mbjb.gov.my](http://www.mbjb.gov.my)

ISSN 2462-1536



9 772462 153006